

VIETNAM : PAKATAN DAN PERJUANGAN DEMI KELANGSUNGAN NEGARA

RUHANAS HARUN

Vietnam telah menarik perhatian antarabangsa selepas Perang Dunia Kedua sebagai sebuah negara yang mampu mengalahkan dua kuasa besar dalam menentang dominasi asing di negara tersebut. Kelahiran Republik Demokratik Vietnam (RDVN) pada tahun 1945 memberi tamparan hebat kepada percubaan Perancis untuk kembali berkuasa di Indochina selepas tamat Perang Dunia Kedua. Kekalahan Perancis di Dien Bien Phu pada 1954 memaksa negara tersebut ke meja rundingan yang berakhir dengan Perjanjian Geneva 1954 yang menamatkan kolonialisme Perancis di Vietnam. Pengunduran Perancis digantikan dengan kehadiran Amerika Syarikat yang bermula sejak tahun 1955 apabila negara itu mengiktiraf sebuah kerajaan Vietnam Selatan yang anti-komunis pimpinan Ngo Dinh Diem. Campurtangan Amerika Syarikat di Vietnam berterusan sehinggalah tamat Perang Vietnam pada 1975 dengan kemenangan komunis menguasai seluruh Vietnam dan seterusnya penyatuan Vietnam secara rasmi pada tahun 1976. Penyatuan ini melahirkan sebuah negara baru iaitu Republik Sosialis Vietnam (RSVN) dengan ibu negara di Hanoi. Selepas pembentukan RSVN, tumpuan utama kepimpinan Parti Komunis Vietnam ialah mempertahankan kemerdekaan dan kelangsungan (*survival*) yang dicabar oleh ancaman- ancaman tertentu dari dalam dan luar negara. Salah satu cara bagi RSVN menghadapi cabaran keselamatan dan kelangsungannya ialah melalui kerjasama dan pakatan dengan negara-negara yang sehaluan dari segi ideologi dan kepentingan politik. Dua negara yang menjadi sekutu Vietnam yang penting sehingga tamat Perang Dingin ialah Laos dan Kesatuan Republik Sosialis Soviet (Soviet Union).

Selepas tamat peperangan pada tahun 1975, tumpuan utama dasar luar Vietnam ialah mendapatkan kondisi terbaik mungkin untuk meneruskan kemerdekaan dan kesinambungan rejim. Walau bagaimana pun suasana politik serantau dan dalaman memberi cabaran besar yang tidak begitu berpihak kepada Vietnam. Di rantau Asia Tenggara sendiri, penyatuan dan kewujudan RSVN dipandang curiga oleh negara-negara ASEAN 6¹ yang terdiri dari negara bukan komunis, malah anti-komunis yang melihat Vietnam sebagai satu ancaman kepada kestabilan rantau ini. Keadaan ini diburukkan lagi oleh pendudukan Vietnam di Kampuchea mulai akhir tahun 1978 yang mendapat tentangan dari beberapa golongan di Kampuchea, ASEAN dan menimbulkan kemarahan negara China. China yang telah menyokong dan memberi bantuan kepada rejim Khmer Rouge di bawah Pol Pot yang diusir keluar oleh Vietnam pada 1978, kemudian melancarkan serangan ke atas Vietnam (di bahagian utara negara tersebut) dengan tujuan “mengajar” Vietnam. Oleh yang demikian, Vietnam mendapati dirinya dikelilingi oleh musuh-musuh. Pendudukan Vietnam di Kemboja juga menimbulkan protes di peringkat antarabangsa yang menyebabkan banyak negara besar yang sebelum ini memberi sumbangan kepada pembangunan semula Vietnam selepas perang memberhentikan bantuan mereka kepada negara itu. Pengasingan politik, diplomatik dan pemberhentian bantuan ekonomi antarabangsa kepada Vietnam menyebabkan negara itu begitu terdesak dan perlu mencari sumber lain untuk mempertahankan keselamatan dan kestabilannya. Satu-satunya negara yang boleh diharapkan oleh Vietnam bagi membantunya dalam keadaan tersepit ini ialah USSR yang sebelum ini pun telah banyak memberi sokongan dan bantuan kepada Vietnam. Mulai 1978, pergantungan Vietnam kepada USSR menjadi semakin tinggi sehingga menempatkan Vietnam ke dalam kawasan pengaruh Soviet Union. Sejak 1945 hingga 1975, Vietnam cuba mengekalkan kebebasannya dan kelangsungannya tanpa mengikat negara itu kepada mana-mana negara asing melalui perjanjian pakatan secara formal. Namun selepas 1975, Vietnam tidak mempunyai opsiyen lain selain daripada pakatan dalam dasar luarnya untuk menjamin penerusannya sebagai sebuah negara sosialis.

PAKATAN SEBAGAI ALAT DASAR LUAR

Politik pakatan adalah sebahagian daripada proses dasar luar yang boleh memperjelaskan gelagat (*behaviour*) negara-negara terhadap satu sama lain di peringkat antarabangsa. Antara lain gelagat negara-negara merangkumi unsur-unsur seperti cara mereka bertindak dalam keadaan

peperangan atau aman serta apakah teknik-teknik yang digunakan untuk mencapai dan mempertahankan objektif dasar luar. Dalam konteks ini pakatan memainkan peranan penting sebagai alat dasar luar dalam beberapa sistem antarabangsa yang muncul sejak sistem antarabangsa Eropah sehingga sistem global yang ada pada hari ini. Walau pun bentuk dan pelaksanaan berbeza dari masa ke semasa, pembentukan pakatan pada asasnya didorong oleh keperluan keselamatan sesebuah negara. Pakatan didefinisikan sebagai bentuk-bentuk pengurusan secara formal dan bukan formal untuk tujuan keselamatan (*“formal and informal arrangements for security purposes”*). Termasuk dalam definisi ini ialah persetujuan kerjasama untuk tujuan keselamatan, sama ada dalam bentuk perjanjian-perjanjian (*treaties*) atau pun persefahaman dua buah negara atau lebih untuk membantu negara yang memerlukan sokongan dan bantuan untuk menjamin keselamatan negara.

Terdapat banyak sebab kenapa sesebuah negara memasuki pakatan. Di antaranya ialah kesesuaian ideologi, keperluan bantuan asing, sokongan politik dan sebagai respons menghadapi ancaman luar. Negara-negara yang memerlukan pakatan secara umumnya adalah negara-negara yang lemah dan terancam. Kekurangan kekuatan dan kemampuan menyebabkan negara tersebut tidak dapat menentang atau menangkis tekanan kuasa-kuasa luar yang cuba mencabul kedaulatan dan hak-hak negara berkenaan. Dalam keadaan ini, politik pakatan membolehkan sesebuah negara terancam “meminjam” dan “mengaut” kekuatan daripada rakan sekutu dan memaksa ke atasnya satu komitmen untuk memastikan kepentingan negara yang diancam itu terjamin. Ini boleh dilakukan melalui dua cara tertentu, iaitu memasuki pakatan secara rasmi atau pun mencapai persefahaman secara tidak rasmi dengan rakan sekutu yang mempunyai kepentingan bersama. Terdapat beberapa jenis pakatan, iaitu pakatan duahala yang tidak setaraf (*unequal bilateral alliances*), pakatan dua hala yang setaraf (*equal bilateral alliances*) dan pakatan yang bercampur (*mixed alliances*). Pakatan dua hala yang tidak setaraf ialah pakatan di antara sebuah negara lemah dengan sebuah kuasa besar—dalam kes ini sebuah kuasa gergasi dunia). Pakatan antara negara lemah dengan kuasa besar boleh berlaku sama ada melalui pilihan bebas (*free choice*) atau pun secara paksa. Justifikasi pembentukan pakatan dan pemilihan rakan sekutu dalam pakatan biasanya berdasarkan kepada kepentingan bersama (*identical interest*) dari segi keselamatan, politik, ideologi dan ekonomi.

Tujuan utama membentuk pakatan ialah menggunakan pakatan itu untuk mengatasi ancaman keselamatan. Dalam menangani ancaman keselamatan ini, sesebuah negara yang diancam akan memilih pakatan

yang akan lebih memberi kebaikan (*advantages*) kepadanya, sama ada melalui imbangan (*balancing*) atau pun bersekongkol (*bandwagoning*). Dasar imbangan didefinisikan sebagai memasuki pakatan dengan negara-negara lain bagi menentang negara yang mengancam; sementara *bandwagoning* merujuk kepada pakatan yang dibuat dengan negara-negara yang menjadi sumber ancaman.² Negara-negara membentuk pakatan bersifat imbangan (yang berdasarkan teori imbangan kuasa *balance of power theory*) dengan tujuan menyekat kuasa-kuasa yang lebih kuat daripada mendominasi mereka³. Dalam hubungan antarabangsa, negara-negara didapati lebih cenderung untuk membentuk pakatan yang bersifat imbangan kerana beberapa sebab. Salah satu daripadanya ialah untuk menjaga kepentingannya agar negara anggota yang lebih lemah tidak didominasi oleh negara kuat. Lagipun, seperti kata Henry Kissinger ketika menyokong *rapprochement* Amerika Syarikat-China, bahawa dalam hubungan tigasegi, adalah lebih baik bersekutu dengan pihak yang lebih lemah.⁴ Pada praktiknya, terdapat banyak contoh negara-negara yang memilih imbangan dalam menyertai pakatan kerana itulah yang lebih logik dan lebih baik bagi menyekat dan menentang sesebuah negara yang lebih kuat atau pun sesebuah pakatan yang mengancam.

Namun tidak kurang juga dalam sejarah hubungan antarabangsa di mana negara-negara memilih untuk *bandwagoning* apabila berhadapan dengan ancaman. Pemilihan ini berdasarkan kepada asumsi bahawa negara-negara tertarik kepada kekuatan.⁵ Ini bererti negara-negara yang berminat untuk menyertai pakatan akan berbuat demikian dengan menyebelahi pihak yang kuat; demikian juga negara yang kuat akan menarik minat negara-negara lain untuk bersekutu dengannya. Idea ini amat berlawanan dengan pakatan berdasarkan imbangan yang bertujuan untuk meneutralkan (mengurangkan keberkesanan) kekuatan negara yang mengancam. Pilihan *bandwagoning* oleh negara-negara mempunyai dua motif utama. Pertama, *bandwagoning* mungkin digunakan sebagai satu cara memujuk (*appeasement*.) Jadi melalui persekutuan dengan negara atau kumpulan negara yang menjadi sumber ancaman, ancaman atau serangan tersebut dapat dielakkan.⁶ Motif kedua memasuki pakatan (semasa perang) bersama negara kuat yang mengancam ialah untuk berkongsi atau meraih habuan dan keuntungan yang boleh didapati daripada kemenangan apabila peperangan tamat. Terdapat kes-kes tertentu dalam sejarah yang memperlihatkan kedua-dua motif ini dalam pembentukan pakatan, misalnya *The Nazi-Soviet Non-Agression Treaty* pada 1939.

Bagi Vietnam, memasuki atau membentuk pakatan dengan negara asing merupakan satu usaha ke arah menjamin keselamatan dan menghadapi ancaman luar. Dari pandangan Vietnam tindakannya memasuki pakatan bersifat defensif, walau pun ini tidak dilihat demikian oleh jiran-jirannya. Sejak muncul sebagai sebuah negara merdeka melalui perisitiharan kemerdekaan 1945, Vietnam cuba menggunakan pakatan sebagai salah satu cara memelihara kemerdekaannya. Pakatan-pakatan ini terdiri dari pakatan bersifat formal dan tidak formal, juga dalam bentuk duahala dan pelbagai hala. Pilihan rakan sekutu pula bergantung kepada yang paling menguntungkan pada sesuatu masa dari pelbagai aspek. Walau apa pun, sebagai sebuah negara lemah dan bukan sebuah kuasa besar, tindakan Vietnam memasuki pakatan lebih bersifat reaktif, iaitu sebagai respons kepada keadaan atau tekanan semasa.. Dalam mengamalkan pakatan sebagai alat dasar luar, Vietnam menunjukkan sikap yang fleksibel dan pragmatik. Diantara pakatan-pakatan penting (formal dan bukan formal) yang dianggotai oleh Vietnam ialah pakatannya dengan negara-negara Indochina, Soviet Union dan ASEAN.

PERSEKUTUAN NEGARA-NEGARA INDOCHINA

Idea persekutuan Indochina bukanlah sesuatu yang baharu. Ia mempunyai asal usul dalam dasar Perancis untuk menyatukan ketiga-tiga kawasan, iaitu Vietnam, Laos dan Kemboja yang dibawah jajahan mereka di mana Vietnam dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan pemerintahan colonial. Kepentingan geopolitik Vietnam dalam lingkungan itu menyebabkan Perancis memberikan keistimewaan kepada Vietnam sebagai “ketua “ di kalangan negara-negara Indochina dan idea ini terus kelihatan sehingga hari ini. Oleh itu tidak hairanlah jika selepas penjajahan Perancis Vietnam meneruskan persepsi ini dan menuntut kedudukan sedemikian walau pun ia tidak selalunya diterima oleh negara-negara lain. Kepimpinan Vietnam di Indochina juga terserlah kerana kemenangannya dalam peperangan menentang Perancis dan Amerika. Ini menguatkan lagi tuntutanannya untuk dihormati (*sense of entitlement*). Sikap ini masih lagi wujud walau pun manifestasinya muncul dalam bentuk yang berbeza daripada sebelumnya.

KEPENTINGAN LAOS DAN KEMBOJA BAGI VIETNAM

Hubungan Vietnam dengan dua negara Indochina yang berjiran, iaitu Laos dan Kemboja adalah rapat. Ia terbentuk hasil daripada perkongsian pengalaman penjajahan di mana ketiga-tiga negara tersebut pernah

dijajah oleh Perancis. Mereka juga melalui evolusi politik yang mempunyai banyak persamaan. Sebelum 1990an, tiga negara Indochina tersebut mempunyai persamaan ideologi, iaitu Marxisme-Leninisme yang dijadikan sebagai ideologi negara. Dari segi keselamatan dan strategik pula, ketiga-tiganya saling bergantung. Ketidakstabilan politik di salah sebuah negara tersebut akan memberi dampak serius kepada yang lain. Bagi Vietnam, Laos dan Kemboja dianggap sebagai negara “barisan hadapan” dalam mengawal ancaman dari luar. Keselamatan dan kestabilan dalam negeri Vietnam juga banyak bergantung kepada kestabilan dalam negeri dua negara jirannya itu. Kepentingan strategik Laos bagi Vietnam dapat dilihat dalam sempadan bersama dua negara tersebut yang panjang. Semasa perang Vietnam berlaku, Laos merupakan laluan penting Vietnam Utara ke Selatan. Vietnam pula merupakan satu-satunya laluan ke laut yang paling hampir dan pasti bagi Laos. Laos juga bersempadan dengan China dan Thailand, dua negara yang mempunyai pengaruh penting ke atas persepsi ancaman Vietnam. Kawasan timur Laos yang bergunung ganang itu memberi perlindungan dan kedudukan yang strategik kepada Vietnam bagi menyekat percubaan Thailand menyusup ke sempadan Vietnam. Untuk menjamin keselamatannya, Vietnam memerlukan sebuah negara Laos yang tidak bermusuhan terhadapnya. Perjanjian persahabatan dengan Laos pada 1977 memenuhi kehendak strategik dan keselamatan ini dan memastikan yang Laos menjadi sahabat yang boleh dipercayai.

Hubungan baik antara kedua negara bermula sejak sebelum kedua-dua negara mencapai kemerdekaan melalui parti komunis Laos dan Vietnam. Kemuncak persahabatan mereka ialah Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama selama 25 tahun yang ditanda tangani dalam bulan Julai 1977. Ia memberi jaminan keselamatan kepada Laos dan juga Vietnam di mana kedua-dua negara tersebut tidak mengancam satu sama lain. Vietnam juga membantu Laos dalam memberi latihan tentera, pertukaran pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan maklumat keselamatan. Selain daripada itu Vietnam juga membantu Laos dalam bidang pendidikan dengan melatih ribuan pelajar di peringkat pendidikan tinggi disamping bidang ekonomi dan infrastruktur.⁷ Dari segi politik pula, kedua-dua negara bersetuju mengadakan perbincangan di peringkat menteri-menteri luar setiap dua tahun dalam rangka Persidangan Menteri-menteri luar tiga negara Indochina (Laos, Kemboja, Vietnam) sejak tahun 1980 lagi. Perjanjian 1979 ini juga membenarkan penempatan pasukan tentera Vietnam di Laos bagi melindungi Laos daripada ancaman serangan negara-negara jiran yang “anti-revolusi”. Perjanjian ini memberi peluang kepada Vietnam mengukuhkan pengaruhnya di

Laos melalui bantuan ekonomi, politik dan ketenteraan. Ia memberikan kepada Vietnam satu jaminan keselamatan yang amat diperlukan untuk mengurangkan rasa dikelilingi (*encirclemen*) oleh musuh selepas 1975. Keperluan ini berkurangan hanya selepas renovasi ekonomi di Vietnam pada 1986 yang juga membawa kepada reformasi ekonomi Laos dan perubahan persekitaran politik di Indochina secara amnya.

Para pengkaji dan pemerhati luar, khususnya Barat cenderung membuat kesimpulan bahawa reformasi ekonomi Laos yang berjalan sejak pertengahan tahun 1980sn mempertingkatkan hubungan Laos Thai tetapi merugikan Vietnam.⁸. Sebenarnya perubahan sosio-politik dan ekonomi Laos hasil daripada reformasi ekonomi memberi kesan positif kepada hubungan Vietnam-Laos. Sebelum reformasi ekonomi di kedua-dua negara berlaku, Vietnam terpaksa memberi perhatian khusus kepada Laos dengan mengekalkan Laos di bawah pengaruhnya melalui bantuan ekonomi, ketenteraan dan tekanan politik. Dalam keadaan permusuhan yang berlaku dengan ASEAN pada masa itu, Vietnam memerlukan Laos berada di pihaknya. Tetapi selepas reformasi ekonomi, persekitaran politik rantau ASEAN berubah. Sikap permusuhan digantikan dengan persahabatan yang menghasilkan hubungan politik dan ekonomi yang baik antara negara-negara ASEAN dan Indochina. Bagi Vietnam perkembangan baru ini mengurangkan beban politik yang ditanggungnya dalam memastikan Laos terus berada di bawah pengawasannya. Vietnam juga sebelum itu perlu sentiasa berhati-hati agar Laos tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan ASEAN, terutama sekali Thailand. Jadi hubungan dan persahabatan yang semakin rapat antara Laos dan Thailand membolehkan Vietnam “melepaskan” Laos dari pengawasannya yang ketat tanpa menimbulkan sebarang kecurigaan atau ancaman. Keadaan ini juga menghapuskan dilemma Vietnam dalam memastikan keselamatannya yang berkaitan dengan Laos dan Thailand. Kekurangan minat Vietnam untuk terus memikul beban dan tanggung jawab keselamatan Laos terbukti dengan sikap dingin Vietnam untuk meneruskan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Vietnam-Laos yang tamat pada 2002. Walaupun Laos berminat untuk meneruskan perjanjian tersebut dalam konteks asalnya iaitu Vietnam terus memikul beban keselamatan-, Vietnam hanya bersetuju setakat mengekalkan status quo. Penerusan pakatan dengan Laos melalui perjanjian 1977 itu tidak lagi merupakan satu asas dan kewajiban dalam perjuangan meneruskan kelangsungan Vietnam. Ia sudah pun terjamin apabila negara itu membuka pintunya kepada ASEAN dan seterusnya menjadi anggota ASEAN pada tahun 1995. Vietnam tidak lagi bimbang dengan ancaman keselamatan dan politik dari Laos atas beberapa sebab. Satu daripadanya

ialah Laos masih lagi bergantung kepada hubungan rapat ekonomi dan politik dengan Vietnam demi kestabilan politik dalaman. Selain daripada itu, Laos lebih dekat dengan Vietnam daripada Thailand dari segi ideologi. Maka kemungkinan Laos dan Thailand bergabung menentang Vietnam tipis sekali, sekurang-kurangnya dalam masa terdekat. Oleh yang demikian penerusan pakatan dengan Laos demi kelangsungan Vietnam sudah kehilangan “urgency”. Dari segi psikologi, Vietnam sudah mencapai tahap keyakinan bahawa keselamatannya terjamin tanpa bersusah payah memikul beban sebuah pakatan yang jika diteruskan mungkin menimbulkan rasa curiga dan tidak selamat negara-negara jiran seperti Thailand. Dengan memberikan Laos kebebasan yang mencukupi dalam orientasi dasar luarnya tanpa menjejaskan kepentingan politik dan keselamatan Vietnam, ia juga menghapuskan kepercayaan bahawa Vietnam ingin terus mendominasi negara-negara Indochina. Terpulang kepada Laos sama ada menggunakan keadaan ini untuk kepentingannya sendiri—iaitu terus mempunyai hubungan baik dengan Vietnam atau pun merobah status quo yang jika dibuat, akan memakan diri Laos sendiri. Dari segi politik pakatan, tindakan Vietnam membebaskan dirinya dari tanggungjawab sebuah pakatan yang membebankan adalah langkah yang bijak kerana ia mengurangkan rasa curiga negara-negara jiran terhadap cita-cita Vietnam di Laos. Di masa yang sama ia tidak mengganggu penerusan hubungan khas (*special relations*) yang sudah lama terjalin di antara Hanoi dan Vientiane.

Keadaanya berbeza dengan Kemboja. Pengalaman dalam hubungan Vietnam-Kemboja menunjukkan bahawa kesetiaan dan persahabatan Kemboja bukan satu kepastian dan tidak boleh diandaikan. (*not to be taken for granted*). Oleh itu Vietnam berhati-hati dalam hubungannya dengan Kemboja dan mengelak daripada mendominasi negara tersebut secara langsung dan untuk jangka masa lama. Kemasukan Vietnam ke Kemboja pada Disember 1978 merupakan sebahagian daripada dilemma dalam keselamatan Vietnam. Campurtangan itu didorong oleh keperluan keselamatan dan strategik. Jika dibiarkan Pol Pot terus menguasai Kemboja dan melaksanakan dasar anti Vietnam, ia akan membahayakan keselamatan dan menggugat keutuhan wilayah Vietnam. Namun jika Vietnam menyekat dasar tersebut dengan menghapuskan rejim Pol Pot dari berkuasa, ia akan menimbulkan kemarahan China yang menyokong rejim tersebut serta menimbulkan reaksi negatif dari masyarakat antarabangsa, terutama sekali ASEAN 6. Walau pun mengambil risiko tinggi dengan keputusannya campurtangan di Kemboja pada 1978, Vietnam terpaksa berbuat

demikian kerana keselamatan Vietnam bergantung kepada hubungan yang baik dengan Kemboja. Apa yang perlu dipastikan oleh Hanoi ialah rejim yang ada di Phnom Penh bukan suatu rejim yang anti Vietnam . Hanoi sedia menerima sebarang kerajaan di Kemboja asalkan ia tidak bersikap bermusuhan terhadap Vietnam. Apabila ini sudah terjamin, maka baharulah Vietnam sedia merundingkan pengundurannya dari Kemboja. Kekejaman rejim Pol Pot itu sendiri membantu kepada keyakinan Vietnam bahawa rakyat Kemboja tidak akan menerima Khmer Rouge atau pun sebuah pemerintahan yang sepertinya. Keadaan ini memudahkan penerusan dan pengukuhan rejim yang diasaskan oleh Hanoi yang menggantikan rejim Pol Pot.

Secara kesimpulan, dasar luar Vietnam terhadap Laos dan Kemboja didasari oleh kepentingan negara-negara tersebut sebagai negara “barisan hadapan” bagi Vietnam dalam menghadapi ancaman luar dan masa depan (*destiny*) mereka yang saling berkait. Dalam bulatan sepusat (*concentric circles*) dasar luar Vietnam, Laos dan Kemboja menduduki lingkaran pertama yang menunjukkan keakraban hubungan dan perkaitan kepentingan bersama mereka. Dari perspektif politik pakatan, tiga negara tersebut mempunyai unsur-unsur yang ideal bagi pembentukan pakatan. Terdapat percubaan untuk merealisasikan idea ini dalam bentuk satu pakatan seperti yang terdapat dalam idea Persekutuan Indochina dan yang mucnul dalam bentuk blok sosialis Indochina semasa Perang Dingin.

PAKATAN VIETNAM –SOVIET UNION

Vietnam dan Soviet Union adalah dua buah negara sosialis yang mempunyai hubungan yang rapat sehinggalah keruntuhan kuasa gergasi dunia itu pada tahun 1991. Hubungan di peringkat pemimpin dan solidarity ideologi mendahului hubungan rasmi dua negara tersebut yang bermula dengan pengiktirafan RDVN oleh Soviet Union pada Januari 1950. Lawatan pemimpin komunis Vietnam, Ho Chi Minh ke Moscow pada pertengahan 1923 menjalin hubungan Vietnam dengan *Comintern* (gerakan Komunis Antarabangsa yang diterajui oleh Soviet Union). Melalui *Comintern* inilah ajaran Marxisme-Leninisme berkembang ke Vietnam yang disebarkan melalui beberapa negara, terutama China dan juga melalui individu-individu terkenal seperti Ho Chi Minh dan Tran Van Giau. Walau bagaimana pun sokongan secara terbuka kepada Hanoi dalam perjuangan menentang Perancis hanya diberikan oleh Moscow selepas 1954.

Terdapat beberapa sebab kenapa Soviet Union agak lambat memberikan pengiktirafan diplomatik dan tidak menunjukkan sokongan secara terbuka kepada Vietnam sebelum 1954. Soviet Union di bawah Stalin lebih memberi perhatian kepada pengukuhan sosialisme dalam negara tersebut⁹. Di samping itu keutamaan dalam dasar luar Soviet Union ketika itu ialah hubungannya dengan Eropah dan Amerika Syarikat. Vietnam sebagai sebuah negara kecil dan jauh dari Soviet Union dan masih di bawah kawalan pengaruh Perancis menyebabkan Moscow tidak berminat untuk campur tangan dan memberikan prioriti kepada Vietnam dalam dasar luarnya. Selain daripada itu, Soviet Union juga masih menaruh kepercayaan kepada Republik Rakyat China untuk menjaga kepentingan Vietnam sebagai sebuah negara sosialis di Asia. Sikap Soviet Union ini juga bersesuaian dengan dasar luar Vietnam sendiri ketika itu di mana di bawah Presiden Ho Chi Minh, Vietnam lebih cenderung mempraktikkan dasar sama jarak (*equidistant*) di antara China dan Soviet Union. Hanya selepas kematian Ho Chi Minh pada 1969 maka Vietnam beransur-ansur mengubah haluan condong terhadap Soviet Union. Jadi keadaan semasa tidak memerlukan hubungan yang lebih rapat diadakan di antara Hanoi dan Moscow sehingga boleh membawa kepada pembentukan pakatan kedua-dua negara sosialis tersebut.

Perubahan dasar luar Soviet terhadap Vietnam dapat dikesan selepas 1955 apabila keadaan di Asia Tenggara dan Vietnam mulai berubah. Pengaruh Amerika Syarikat semakin meningkat di rantau Asia Tenggara disebabkan dua faktor penting. Pertama, pengunduran Perancis dari Indochina selepas Perjanjian Geneva 1954 meninggalkan kekosongan di Indochina. Amerika yang bersungguh-sungguh melaksanakan dasar membendung (*containment*) komunisme di Asia Tenggara telah memenuhi ruang ini dengan peningkatan campurtangannya di Vietnam Selatan mulai 1955 apabila kerajaan Bao Dai yang pro-Perancis digantikan dengan rejim baru pimpinan Ngo Dinh Diem yang pro-Amerika. Dalam usaha membendung pengaruh komunisme juga Amerika telah menerajui pembentukan pakatan SEATO (*Southeast Asia Treaty Organisation*) yang ditubuhkan pada September 1954 di Manila. Dua perkembangan ini memberi kesedaran kepada Soviet Union mengenai peri pentingnya Vietnam dalam percaturan politik antarabangsa dan perlumbaan mencari pengaruh antara dua kuasa dunia tersebut di Asia Tenggara.

Vietnam walau bagaimana pun masih mahu meneruskan dasar luar yang "*equidistant*" dalam hubungannya dengan China dan Soviet Union. Namun keadaan semakin menyukarkannya berbuat demikian.

Salah satu faktor ialah dasar luar Soviet sendiri. Bermula dari pentadbiran baru di bawah Nikita Khrushchev, Soviet Union melihat Vietnam sebagai negara yang strategik yang perlu diberi perhatian dalam Perang Dingin dengan Amerika Syarikat. Tindakan-tindakan Amerika dalam peperangan di Vietnam semakin menyakinkan Soviet Union tentang keperluan memberi bantuan dan sokongan kepada Vietnam. Namun, di bawah Khrushchev, Soviet Union masih lagi berhati-hati dengan komitmen kepada Vietnam. Malah di antara tahun 1963-1964, hubungan Vietnam –Soviet menjadi semakin buruk apabila Vietnam mengambil sikap menyokong China dalam pertelingkahan Sino-Soviet. Vietnam enggan menerima tekanan Soviet agar Vietnam menyokong Soviet dalam pertelingkahan ini. Sikap pro-China oleh Vietnam ini dapat dilihat dalam lawatan-lawatan pemimpin China ke Hanoi dan deklarasi-deklarasi yang dikeluarkan Di antaranya menyebut bahawa hubungan China –vietnam amat rapat, seperti “bibir dan gigi”, wujudnya hubungan “militant” antara rakyat kedua negara. Walau bagaimana pun kerengganan hubungan Vietnam –Soviet Union dan sikap pro China oleh Vietnam ini berakhir pada tahun 1964 apabila pemimpin Soviet , Nikita Khrushchev , dijatuhkan pada 1964. Hanya selepas penggantian Khrushchev oleh Leonid Brezhnev sebagai pemimpin Soviet Union pada bulan Ogos 1964, baharulah dasar luar terhadap Vietnam mengalami perubahan yang membawa kepada komitmen yang lebih tinggi. Dengan itu bermulalah satu era baru dalam hubungan Vietnam-Soviet yang menuju ke arah hubungan yang lebih seimbang antara dua negara tersebut. Hubungan ini terus menjadi lebih kukuh dengan sokongan kuat yang diberikan oleh Soviet Union kepada Vietnam dalam peperangan menentang pencerobohan Amerika Syarikat. Pengukuhan hubungan ini menjadi asas kepada dasar pro –Soviet selepas tamat perang Vietnam pada 1975.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG PAKATAN VIETNAM-SOVIET UNION

Hubungan Vietnam-Soviet Union dalam bentuk sekutu pakatan hanya direalisasikan selepas tamat perang Vietnam pada 1975. Ia merupakan kemuncak kepada proses penerapan pengaruh Soviet di Asia Tenggara . Pengukuhan hubungan antara Vietnam-Soviet Union bermula dengan lawatan menteri luar Soviet, Alexei Kosygin ke Hanoi pada tahun 1965 untuk menjelaskan dasar baru Soviet terhadap Hanoi. Moscow bersedia untuk memberi bantuan, termasuk bantuan ketenteraan kepada Hanoi. Dalam *communiqué* bersama yang dikeluarkan, lima perkara utama yang berkaitan dengan hubungan Vietnam-Soviet dinyatakan. Soviet

Union memberi jaminan akan menjaga keselamatan negara –negara sosialis, termasuk Vietnam dan kedua-dua kerajaan bersetuju mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk menguatkan pertahanan RDVN dan menyokong Hanoi dalam peperangan dengan Amerika Syarikat.¹⁰ Kenyataan sokongan Soviet Union ini dibuat dalam konteks perluasan peperangan di Indochina dan peningkatan serangan-serangan Amerika ke atas Vietnam Utara. Dalam keadaan inilah Soviet Union mempertingkatkan bantuannya kepada Vietnam sehingga akhir tahun 1965, bantuan ketenteraan Soviet berjumlah US\$ 550 juta disamping penambahan pegawai-pegawai tentera Soviet di negara itu.¹¹

Komitmen yang diberikan oleh Soviet Union kepada Vietnam berterusan, malahan semakin meningkat di sepanjang perang Vietnam berlaku.. Kesepaduan (*cohesion*) dalam pakatan antara kedua-dua negara tersebut dapat diteruskan disebabkan kepentingan bersama dari segi ideologi dan politik. Kedua-dua negara mempunyai kepentingan menjamin penerusan sebuah negara komunis di Vietnam. Bagi Vietnam, Soviet Union perlu dalamimbangan kuasa di Asia Tenggara. Lagipun, bagi Vietnam, Soviet Union lebih boleh dipercayai (*reliable*) dan mempunyai lebih kemampuan daripada China untuk dijadikan sebagai sekutu dan sebagai pengimbang kepada Amerika Syarikat di rantau ini. Keberkesanan pakatan dua negara tersebut amat tinggi kerana terdapat unsur-unsur yang mengikat mereka seperti kepentingan bersama, kesesuaian ideologi dan keperluan kepada rakan kongsi.

PENGUKUHAN PAKATAN VIETNAM-SOVIET UNION

Vietnam merupakan salah satu daripada negara bukan kuasa besar di mana dasar luarnya banyak dipengaruhi oleh sistem antarabangsa. Seperti negara Jerman, keadaan hubungan antarabangsa memberi kesan kepada dasar luar Vietnam. Pada tahun 1970s, berlaku *détente* antara Amerika Syarikat dan China apabila pada tahun 1971, kedua-dua negara tersebut bersetuju untuk menjalin hubungan diplomatik. Berikutan daripada ini Soviet Union telah menawarkan kepada Vietnam satu perjanjian Persahabatan dan Kerjasama, tetapi ditolak oleh Vietnam. Penolakan Vietnam ini berdasarkan kepada hakikat bahawa negara itu belum bersedia untuk menjadi rakan sekutu dalam pakatan dengan Soviet Union. Dalam hal ini dapat dilihat dilemma bagi Vietnam. Penerusan dasar “*equidistance*” dalam hubungannya dengan China dan Soviet Union perlu diteruskan kerana ini akan mengelak daripada kecurigaan dan buruk sangka China terhadap Vietnam. Hubungan yang harmonis dengan China amat diperlukan oleh Vietnam kerana China adalah jiran

yang kuat .Sejarah membuktikan kepada Vietnam bahawa hubungan baik dengan China adalah kunci kepada keselamatan dan keutuhan wilayah Vietnam. Namun di masa yang sama, China tidak menunjukkan sikap yang boleh dipercayai oleh Vietnam bahawa kuasa besar yang menjadi jirannya itu tidak akan menjadi ancaman kepada Vietnam. Vietnam seolah-olah terperangkap dalam dua keadaan yang boleh diibaratkan seperti “ditelan pahit , dibuang sayang “ dalam hubungannya dengan dua kuasa sosialis tersebut. Jadi penolakan pakatan yang ditawarkan oleh Soviet Union itu merupakan satu langkah berhati-berhati yang wajar oleh Vietnam untuk menjaga kepentingan hubungannya dengan dua kuasa besar sosialis.

Kemenangan komunis di Vietnam dan di seluruh Indochina mengubah keadaan. Penyatuan Vietnam pada tahun 1976 telah membimbangkan negara-negara ASEAN dan juga China yang sememangnya tidak senang hati melihat sebuah negara Vietnam yang kuat.¹² .Pendirian ini berbeza daripada Soviet Union yang menyokong kuat penyatuan itu dan seterusnya memberikan bantuan kepada Vietnam. Perbezaan pendapat antara China dan Vietnam semakin meningkat apabila China memberikan sokongan kuat kepada rejim Pol Pot di Kemboja yang anti-Vietnam. Ini menambahkan lagi rasa tidak percaya dan kebimbangan Vietnam terhadap niat dan tindak tanduk China terhadapnya. Apabila Vietnam mengambil keputusan memasuki Kemboja untuk membantu kumpulan Heng Samrin menggulingkan rejim Pol Pot pada akhir 1978, pertelingkahan China dan Vietnam mencapai tahap yang kritikal , ibarat “retak menanti belah”. Perpecahan antara mereka menjadi kenyataan apabila berlaku serangan China ke atas bahagian utara di sempadan Vietnam-China , iaitu di kawasan Lang Son dalam bulan Februari 1979.

Keyakinan sokongan yang diberikan oleh Soviet Union kepada Vietnam melalui perjanjian 1978 ini merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan Vietnam mengambil keputusan berisiko tinggi untuk masuk ke Kemboja. Sebelum itu para pemimpin dan diplomat tinggi Vietnam membuat lawatan ke negara-negara ASEAN 6 untuk mengetahui sikap ASEAN mengenai masalah Kemboja. Mereka telah memberi jaminan kepada pemimpin-pemimpin ASEAN bahawa Vietnam tidak akan menceroboh Kemboja. Namun, beberapa minggu selepas itu, Vietnam menghantar tenteranya ke negara jiran itu setelah yakin dengan sokongan Soviet Union terhadap dasarnya di Kemboja.

Kemasukannya ke Kemboja memberi tamparan hebat kepada Vietnam dari segi diplomatik, politik dan ekonomi. Negara tersebut telah disisih oleh masyarakat antarabangsa, terutama sekali ASEAN dan

negara-negara Barat. Keadaan ini memaksa Vietnam semakin bergantung kepada Soviet Union dari segi politik dan ekonomi. Pakatan duahala antara Vietnam dan Soviet Union merupakan sebagai pakatan antara sebuah negara lemah dengan sebuah kuasa besar yang mempunyai konsekuen yang besar bagi dasar luar Vietnam. Ia merupakan satu-satunya opsiyen bagi Vietnam untuk menjamin kelangsungan dan meneruskan kemerdekaannya. Tekanan-tekanan luar yang dihadapi oleh Vietnam dari pelbagai penjuru menolak Vietnam ke arah persekutuan dengan Soviet Union. Sekaligus ia melenyapkan dasar "*equidistance*" yang selama ini cuba dipertahankan oleh kepimpinan Parti Komunis Vietnam. Pakatan ini merupakan landasan penting penerapan pengaruh Soviet Union tanpa sekatan di Vietnam yang berterusan sehinggalah tahun 1986 apabila kedua-dua negara tersebut memulakan perubahan-perubahan dalam negeri yang mengubah orientasi dasar luar negara mereka. Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama 1978 merupakan satu perjanjian rasmi yang mengikat Vietnam dan Soviet Union dalam satu pakatan di mana Vietnam berjaya "meminjam" dan mengambil kekuatan dari kuasa besar tersebut melalui bantuan ekonomi, ketenteraan dan sokongan politik yang padu daripada Soviet Union. Walaupun pakatan ini bersifat pakatan tidak setaraf (*unequal alliance*), ia memberi banyak keuntungan kepada Vietnam. Dalam hubungan Vietnam-Soviet Union, pakatan yang terbentuk boleh disifatkan sebagai satu pilihan bebas, iaitu pakatan itu berlaku atas kehendak Vietnam sendiri dan tidak dipaksa secara kekerasan membentuk pakatan tersebut. Dalam memilih pakatan yang bersifat pilihan bebas, sesebuah negara berbuat demikian atas keperluan dan tidak atas dasar "*preferences*."¹³ Keadaan-keadaan politik dan ekonomi dalaman dan luaran memaksa Vietnam memilih pakatan dengan Soviet Union kerana tidak ada jalan lain untuk mencapai matlamat menjamin keselamatan rejim.. Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Vietnam-Soviet Union tahun 1978 menandakan satu era baru dalam penggunaan pakatan sebagai alat dasar luar Vietnam.

Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Soviet Union dan Vietnam ini ditanda tangani pada 2 November 1978 di Moscow. Perjanjian ini dilengkapkan oleh lima perjanjian lain yang meliputi perjanjian bantuan ekonomi untuk 10 tahun, bantuan pertahanan, perjanjian kerjasama dalam bidang sains, teknologi dan pertukaran kebudayaan.¹⁴ Aspek terpenting Perjanjian 1978 ini ialah yang berkaitan dengan keselamatan Vietnam seperti yang terkandung dalam artikel 6 yang berbunyi :

“In case either party is attacked or threatened with attack the parties signatory to the treaty shall immediately consult each other with a view to eliminating the threat, and shall take appropriate and effective measures to safeguard the peace and security of the two countries” ¹⁵

Perjanjian tersebut meletakkan asas penting penerapan dan pengukuhan pengaruh Soviet di Vietnam dan kebergantungan Vietnam kepada Soviet Union. Mulai tahun 1978, orientasi dasar luar Vietnam jelas kelihatan condong kearah Soviet Union dan memastikan kedudukan Vietnam sebagai negara di bawah kawasan pengaruh Soviet.

Walau bagaimana pun pakatan ini tidak menyelesaikan dilema keselamatan yang dihadapi oleh Vietnam. Dalam politik pakatan pembentukan pakatan itu sendiri boleh mengurangkan keselamatan. (*alliances promote insecurity*). Ini berlaku kerana pembentukan pakatan menimbulkan rasa curiga dan takut negara-negara yang tidak berada dalam pakatan yang beranggapan bahawa pakatan itu bertujuan menentang mereka. Reaksi yang ditunjukkan oleh negara-negara jiran Vietnam terhadap perjanjian Soviet –Vietnam itu membuktikan pemikiran seperti ini. China misalnya menganggap perjanjian ini sebagai satu ancaman kepadanya. Demikian juga ASEAN yang merasa bimbang dengan kekuatan dan niat Vietnam. Ia mampu menjamin keutuhan wilayah Vietnam dari ancaman luar dan membantu ke arah pengukuhan rejim. Perjanjian ini juga menambah bantuan ekonomi dan ketenteraan yang diberikan oleh Soviet Union kepada Vietnam . Misalnya pada rancangan Lima Tahun Kedua (1976-1980) jumlah bantuan ekonomi Soviet ialah US\$1.45- 3.5 bilion, tetapi menjelang Rancangan Lima Tahun Keempat (1986-1990) ia meningkat kepada US\$14.5-18.35 bilion.¹⁶ Walau bagaimana pun secara keseluruhannya bantuan ekonomi Soviet Union tidak menghasilkan keadaan ekonomi yang baik bagi Vietnam. Ini berlaku kerana kelemahan dalam sistem ekonomi pusat terancang (*centrally planned economy*) dan “mismanagement” yang berlaku dalam pengendalian ekonomi negara. Selain daripada itu tidak ada pemantauan yang cekap daripada pihak pemberi kepada yang menerima untuk memastikan bantuan itu digunakan dengan betul dan menguntungkan.

Secara kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa pakatan Soviet Union-Vietnam didorong oleh beberapa faktor yang berkaitan. Ideologi memainkan peranan penting dalam pakatan mereka. Dua negara sosialis yang mempunyai peranan dan lambang masing-masing dijalin oleh

kepentingan bersama. Vietnam dianggap sebagai kubu kuat sosialisme di Asia Tenggara yang boleh mengukuhkan pengaruh Soviet di kawasan ini. Penerapan pengaruh Soviet ini telah menyekat kebebasan dasar luar Vietnam. Dengan memberi kemudahan kepada Soviet Union menggunakan Vietnam sebagai saluran meluaskan pengaruhnya di Asia Tenggara, Vietnam dilihat sebagai hilang kredibiliti sebagai sebuah negara yang megah dan bebas. Tetapi dasar luar Vietnam adalah dasar yang fleksibel dan praktikal. Oleh itu isu kedaulatan dan integriti adalah isu kedua. Yang paling utama ialah pakatan ini memberi jaminan keselamatan negara daripada ancaman luar dan mengukuhkan keselamatan rejim. Ia juga berperanan memenuhi tanggung jawab ideologi sebuah negara sosialis. Kepentingan dan peranan ideologi dalam pakatan Vietnam – Soviet ini jelas kelihatan apabila selepas 1986, iaitu apabila kedua negara tersebut memulakan reformasi ekonomi dan politik, maka faktor ideologi hilang kerelevanannya. Selepas keruntuhan Soviet Union Vietnam mengambil keputusan menilai kembali kesesuaian dasar luarnya yang selama satu dekad itu ditentukan oleh kedudukannya sebagai “*junior partner*” dalam satu pakatan yang tidak setaraf. Faktor-faktor sistemik dan keadaan dalaman memaksa Vietnam mencari jaminan keselamatan melalui pakatan yang berlainan dengan justifikasi yang berbeza, walau pun matlamatnya tetap sama, iaitu menjamin keselamatan dan kelangsungan negara .

FAKTOR CHINA DALAM KESELAMATAN DAN KELANSUNGAN VIETNAM

Satu-satunya faktor yang amat penting dalam persepsi ancaman Vietnam ialah negara China. Keselamatan dan kemerdekaannya sejak zaman dahulu lagi dibayangi oleh kuasa besar tersebut yang pernah menunjukkan sikap agresif dan mahu mengawal Vietnam daripada menjadi kuat. Faktor-faktor sejarah, kebudayaan, politik dan ideologi dan geografi mempengaruhi hubungan kedua-dua negara yang boleh disifatkan sebagai turun naik (*unpredictable*). Walau pun kedua-dua negara tersebut mempunyai persamaan ideologi dan kebudayaan, namun ini tidak mencukupi bagi menjamin hubungan baik di antara mereka. Faktor utama yang membentuk sikap Vietnam terhadap China ialah kedudukannya yang bersempadan dengan kuasa besar tersebut.¹⁷ Oleh itu Vietnam terpaksa mencari jalan untuk cuba mengekalkan hubungan yang baik dengan China dengan cara mengelak daripada menimbulkan kemarahan jirannya itu. Tetapi di masa yang sama Vietnam tidak sedia mengorbankan integriti dan kedudukannya sebagai sebuah negara berdaulat.

“The fate of Vietnam is to be geographically condemned to live in the shadow of a superstate. The lessons from this are that ways must be found to live with this fact that do not require victory or triumph over a stronger adversary, and yet do not demand abject surrender.”¹⁸

Semasa Perang Dingin , terdapat berbagai isu yang menjadi gangguan ke arah hubungan yang lebih mesra dan stabil. Semasa perang Vietnam sedang berlansung, hubungan kedua negara adalah baik disebabkan mereka mempunyai kepentingan menentang musuh bersama iaitu Amerika Syarikat. Kewujudan musuh bersama ini melenyapkan setika sikap curiga mencurigai antara dua negara sosialis itu. Namun setelah tamat perang Vietnam pada tahun 1975, hubungan mereka menjadi buruk apabila Vietnam enggan tunduk kepada kehendak China dalam beberapa aspek dasar luarnya, terutama sekali mengenai masalah Kemboja dan persahabatan Vietnam dengan Soviet Union.

Sehingga kini masih terdapat beberapa isu diantara mereka yang sedang dirundingkan, seperti penentuan sempadan darat di utara Vietnam, penyeludupan dan “*dumping*” barangan China di Vietnam. Masalah tuntutan bertindih di Laut China Selatan (kepulauan Spratlys dan Paracels) juga merupakan isu sensitif dalam hubungan mereka.. Bagi Vietnam, China adalah sesuatu yang merumitkan, “*a small headache which creates big problems*”.¹⁹ Ini membayangkan bahawa walaupun kini tidak ada masalah besar di antara kedua-dua jiran itu, namun Vietnam perlu berhati-hati dalam mengendalikan hubungannya dengan China kerana sebarang masalah, walau pun kecil akan menimbulkan kerumitan yang lebih besar. Selepas tamat Perang Dingin, hubungan mereka menjadi lebih baik kerana tumpuan masing-masing berkisar kepada pembangunan sosio-ekonomi yang tidak melibatkan perdebatan ideologi dan politik di antara dua negara tersebut. Walau pun masih terdapat isu-isu yang masih belum diselesaikan, kedua-dua negara mengambil langkah rundingan bagi mencapai penyelesaian. Keruntuhan Soviet Union dan tamat Perang Dingin memudahkan kerjasama dua hala yang lebih rapat antara Vietnam dan China. Bagi Vietnam, ia mengahapuskan dilemma “*ditelan pahit dibuang sayang*” dalam dasar luarnya terhadap kedua-dua negara tersebut. Sekali gus ia juga memudahkan kehadiran semula Vietnam dalam komuniti negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Dilihat dari segi politik pakatan, hubungan Vietnam–China selama ini mencerminkan fleksibiliti dalam dasar luar sebuah negara

kecil dan lemah yang berhadapan dengan kuasa-kuasa besar. Keselamatan dan kelangsungan Vietnam banyak bergantung kepada kemampuannya memilih sekutu pada masa-masa tertentu. Dalam hubungan Vietnam-China, solidariti ideologi tidak menjadi faktor utama pembentukan pakatan²⁰. Malah boleh dikatakan kerana terdapat banyak persamaan dan perkongsian ciri-ciri ideologi, politik dan kebudayaan inilah yang menyebabkan hubungan mereka menjadi sensitif. Ini berlaku kerana dalam keadaan demikian “*stake*” dan risiko amat tinggi dalam pembentukan dan pembubaran pakatan. Justeru Vietnam amat berhati-hati untuk membentuk pakatan secara formal dengan China. Namun disebabkan keperluan untuk tidak mengasingkan China daripada lingkungan negara-negara sosialis dan jiran-jiran serantau, maka Vietnam memilih untuk mengadakan pakatan dengan China secara tidak formal yang mudah dibubarkan jika ia tidak lagi relevan²¹. Ini dilakukan melalui perjanjian-perjanjian dan persefahaman kerjasama ekonomi dan fungsional antara Vietnam dan China yang dibuat semasa berlansung perang Vietnam dan selepasnya bertujuan memberikan bantuan ekonomi, teknikal dan kebudayaan kepada Vietnam yang tidak mengikat kedua-dua pihak dari segi tanggung jawab keselamatan. Terdapat banyak perjanjian kerjasama ekonomi dan teknikal yang dibuat antara kedua-dua negara sejak 1960an dan ditahun 1975 hingga 1976. Walau bagaimanapun, menjelang 1978, kemerosotan hubungan duahala Vietnam-China menyebabkan China memberhentikan bantuan kepada Vietnam tanpa memutuskan hubungan diplomatik kedua negara. Keengganan Vietnam untuk memberi laluan kepada China menerapkan pengaruhnya di negara tersebut adalah sebab utama kenapa Vietnam mengelak daripada membentuk pakatan duahala dengan China, sama ada dalam bentuk imbalan (*balancing*) atau pun bersekongkol (*bandwagoning*). Dalam keadaan di mana peristiwa-peristiwa kecil boleh membawa kepada masalah besar (*small events will have major consequences*) dalam hubungan mereka, ketiadaan pakatan dianggap sebagai satu kebijaksanaan dasar luar. Dalam kes Vietnam-China, persamaan ideologi bukan menjadi faktor kuat membentuk pakatan. Ini berbeza dengan pakatan antara Soviet Union dan Vietnam di mana faktor ideologi merupakan salah satu unsur penting pembentukan dan kesepaduan pakatan mereka.

Secara kesimpulan, hubungan Vietnam China dalam era pasca Perang Dingin lebih berdasarkan kepada kepentingan bersama untuk memanfaatkan kondisi yang ada bagi pembangunan ekonomi dan pengukuhan politik dalaman. Vietnam dan China juga mengambil kesempatan dari persekitaran baru ini untuk mencari penyelesaian kepada

masalah yang ada. Ini dapat dilakukan dalam era pasca Perang Dingin kerana beberapa faktor. Pertama, keruntuhan Soviet Union menghapuskan perlumbaan antara China dan USSR untuk mendapatkan pengaruh di Asia Tenggara, terutama sekali di Indochina, khususnya di Vietnam. Kawasan ini tidak lagi menjadi prioriti dalam hubungan luar Rusia. Selain dari itu, perubahan dalaman Vietnam, terutama sekali reformasi ekonomi yang dilaksanakan telah mengubah sikap Vietnam terhadap ASEAN dan vice-versa. Akhirnya perubahan sistem antarabangsa dari dwi polar kepada unipolar (atau multi polar) juga membebaskan negara-negara kecil daripada dilema memilih salah satu daripada dua polar kuasa.

PERKONGSIAN DI ERA BARU: VIETNAM, ASEAN DAN ARF

Berakhirnya Perang Dingin memberikan beberapa kesan penting kepada dasar luar Vietnam termasuklah strategi dan pilihan pakatan. Vietnam mempunyai beberapa opsyen untuk menjamin keselamatan dan penerusan republik sosialis itu. Terdapat beberapa orientasi dasar luar yang boleh diambil oleh sesebuah negara, iaitu dasar pakatan (*alignmen*) sama jarak (*equidistance*), isolasi, hubungan khusus (*special relations*) atau pun neutraliti. Daripada beberapa orientasi dasar luar ini, opsyen yang terbaik bagi Vietnam ialah opsyen pakatan. Tetapi pakatan pasca Perang Dingin berbeza daripada apa yang dialami oleh Vietnam semasa Perang Dingin. Penentuan sekutu pakatan bergantung kepada matlamat negara dan bentuk ancaman yang dihadapi. Matlamat Vietnam ialah keselamatan dan kelangsungan negara, tetapi persepsi ancaman mula berubah. Dalam keadaan ini, pakatan masih lagi merupakan strategi yang terbaik walau pun ia memerlukan bentuk pakatan yang berbeza daripada semasa Perang Dingin. Era pasca Perang Dingin dan persekitaran antarabangsa yang lahir daripadanya memerlukan pakatan yang bersifat multilateral dan *bandwagoning* agar Vietnam boleh memanfaatkan kondisi yang kini berpihak kepadanya.

Sejarah membuktikan kepada Vietnam bahawa isolasi dan dasar tutup pintu tidak menjamin keselamatan dan *survival* negara tersebut. Ini ialah kerana Vietnam merupakan sebuah negara yang besar dan penting di rantau Asia Tenggara, Kedudukannya yang strategik dan berhampiran dengan sebuah kuasa dunia menyebabkan negara tersebut menjadi perhatian negara-negara dan kuasa-kuasa lain. Dalam keadaan ini, cara yang paling baik ialah mengadakan dasar luar yang terbuka dan menjalin hubungan dengan seberapa banyak negara yang boleh

dan memberi peluang yang sama kepada negara-negara ini. Jadi dalam konteks ini, pakatan duahala tidak sesuai kerana ia akan menimbulkan rasa curiga dan iri hati negara-negara lain yang tidak mendapati peluang dan ruang yang sama. Oleh itu pakatan yang paling sesuai ialah yang bersifat “multilateral” dan yang bukan bersifat eksklusif.

Jika pakatan yang dianggotai oleh Vietnam semasa Perang Dingin lebih merupakan pencarian imbalan kuasa, maka pemilihan pakatan oleh Vietnam dalam era pasca Perang Dingin boleh disifatkan sebagai “*bandwagoning*”. Jika dilihat dari aspek kekuatan dan kedudukan geografi, Vietnam dikelilingi oleh negara-negara yang secara individu dan secara berkumpulan mempunyai kekuatan yang lebih tinggi dari Vietnam. Secara individu, China, Thailand dan Indonesia adalah lebih kuat daripada Vietnam. Sementara secara agregat, negara-negara ASEAN 6 jauh lebih mempunyai kekuatan daripada Vietnam. Semasa Perang dingin, Vietnam melihat ASEAN sebagai kumpulan yang mengancam keselamatannya, dan vice-versa. Dengan memasuki ASEAN, masalah ancaman keselamatan dari ASEAN terhadap Vietnam dapat dikurangkan, dan mungkin terhapus. Sekurang-kurangnya kemasukannya ke dalam ASEAN memberikan satu jaminan keselamatan psikologi kepada Vietnam bahawa ancaman secara kolektif dari ASEAN terhadap Vietnam tidak akan timbul.

Keadaan ini menguntungkan Vietnam kerana ancaman-ancaman yang dilihatnya datang dari ASEAN dan China kini telah dikurangkan. Malah semua pihak yang terlibat menumpukan usaha untuk mengambil kesempatan daripada keadaan aman bagi memperbaiki kedudukan ekonomi mereka disamping memperluaskan hubungan perdagangan dan ekonomi dalam sistem pasaran terbuka. Persefahaman mengenai masalah keselamatan dan keperluan mencari satu mekanisme yang boleh menangani masalah keselamatan serantau dimanifestasikan dalam pembentukan ARF di mana Vietnam menjadi salah satu anggotanya. Kemasukan Vietnam ke dalam ARF merupakan lanjutan yang logik kemasukan Vietnam ke dalam ASEAN. Walaupun ASEAN bukan bersifat pakatan dalam pengertian konsep pakatan tradisional yang mempunyai tujuan pertahanan dan keselamatan, namun ASEAN perihatin dengan masalah –masalah keselamatan dan kestabilan serantau. ARF dengan ASEAN sebagai pembimbing utama merupakan mekanisme yang paling sesuai dalam keadaan di mana negara-negara hari ini tidak begitu berminat untuk membentuk pakatan untuk tujuan keselamatan secara eksklusif dan formal.

Melalui ASEAN dan ARF, Vietnam mampu mencapai apa yang diperlukan demi keselamatan dan kelansungannya. ASEAN

memberikannya penyelesaian psikologi dan politik bahawa ia adalah sebahagian daripada pertubuhan tersebut, Kemasukannya dalam ASEAN dianggap sebagai “sirih pulang ke gagang” dan Vietnam mendapat kembali tempat yang terpaksa ditinggalkan dahulu atas sebab-sebab diluar kawalan Vietnam.²² . Dari segi lain, ASEAN juga merupakan tapak persediaan bagi Vietnam memasuki alaf baru dan integrasi ke dalam sistem antarbangasa (dari segi politik dan ekonomi) yang baru dan asing baginya. Jadi dalam semua aspek, keanggotaan Vietnam di dalam organisasi multilateral menguntungkannya tanpa mengorbankan pendirian dan sistem politik yang berbeza daripada sekutu-sekutunya dalam ASEAN. Prinsip dan struktur ASEAN sebagai sebuah pakatan yang longgar mengelak Vietnam daripada dilema “untung –rugi” dalam politik pakatan. Berbeza daripada Kesatuan Eropah (EU) yang meletakkan syarat-syarat ketat untuk menganggotainya, ASEAN tidak menetapkan syarat politik atau ekonomi seperti yang terdapat dalam EU²³ ASEAN berpegang kepada prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara anggota. Kemasukan Vietnam ke dalam ASEAN juga tidak menimbulkan rasa curiga dan terancam pihak lain. Dilihat dari aspek lain, mungkin keanggotaannya memudahkan “pemantauan” dibuat terhadap Vietnam²⁴ .

Dalam konteks pasca Perang Dingin, adalah tidak bijak bagi Vietnam membentuk pakatan secara bilateral yang bersifat imbalan dan eksklusif dengan sesebuah negara lain. Yang paling sesuai baginya sebagai mekanisme keselamatan alaf baru ialah melalui organisasi multilateral dan dialog. Pakatan hari ini yang berbentuk multilateral dan bersifat “forum” tidak mengenal pasti sesebuah negara sebagai musuh .Justeru ia tidak dicurigai dan tidak menakutkan mana-mana pihak. Ini berbeza daripada cara pakatan tradisional sebelum ini yang mengenal pasti musuh dan menekankan peranan ketenteraan sebagai alat pelaksanaan. ARF seperti yang terdapat hari ini bersesuaian dengan kehendak Vietnam yang tidak mahu memperojeksikan dirinya sebagai “*expansionist*” dan mengancam, sebaliknya mahu berada dalam kumpulan negara-negara yang boleh memberikan pengiktirafan yang setaraf terhadapnya.

KESIMPULAN

Perjuangan menjamin *survival* negara Vietnam melalui jalan panjang yang dipenuhi oleh pelbagai rintangan dalaman dan luaran. Beberapa faktor membentuk persepsi ancaman negara tersebut dan strategi yang diambil bagi menghadapi ancaman tersebut. Ia bermula daripada

kefahaman mengenai pandangan Vietnam terhadap dunia luar yang terbentuk dalam lingkungan budaya strategik yang unik kepada negara tersebut. Pada keseluruhannya Vietnam melihat dunia dengan pandangan yang “gelap dan pesimistik”²⁵ Pandangan ini timbul daripada pengalaman sejarah ,hubungannya dengan China, peperangan yang dilalui dan percubaan-percubaan negara luar untuk mendominasikannya. Di sepanjang Perang Dingin kebanyakan negara-negara asing, kecuali negara blok sosialis, menunjukkan permusuhan terhadap Vietnam. Ideologi juga membentuk pandangan dunia yang berdasarkan pertelingkahan antara dunia sosialis dan dunia kapitalis yang dipercayai bahawa kemenangan akan berada dipihak sosialisme. Dalam usaha menjamin keselamatan dan kelansungannya, Vietnam telah menggunakan berbagai strategi yang mengambil kira penggunaan pakatan sebagai alat dasar luar .

Perubahan persekitaran serantau dan antarabangsa yang berlaku akibat keruntuhan Soviet Union dan tamatnya Perang Dingin memberi dampak besar kepada politik pakatan Vietnam. Kedua-dua peristiwa ini dan renovasi ekonomi dan politik di negara Vietnam sendiri melahirkan kondisi yang lebih baik bagi keselamatan dan *survival* negara tersebut. Ancaman-ancaman yang sebelum ini datang dari ASEAN dan China dapat dineutralkan dan membolehkan Vietnam mencari strategi keselamatan dan kelangsungan yang berbeza daripada di zaman sebelumnya. Laos dan Kemboja kini kukuh dalam “persekutuan dan persahabatan “ negara-negara Indochina Ini juga adalah satu *fait accompli* dan status quo yang diterima oleh ASEAN dan China. Langkah seterusnya bagi Vietnam ialah mengintegrasikan dirinya ke dalam Asia Tenggara dengan menganggotai ASEAN. Kemasukannya ke dalam ASEAN pada bulan Julai 1995 merupakan kesinambungan kepada pencarian keselamatan (*search for security*) yang menjadi tumpuan utama dasar luar Vietnam.

Kini keselamatan ditakrifkan dalam pelbagai bentuk, tidak terhad kepada mempertahankan negara dari ancaman luar. Sebagai sebuah negara satu parti, *survival* rejim bertindan lapis dengan *survival* negara. Oleh itu ancaman terhadap rejim dianggap sebagai ancaman kepada negara. Ancaman terhadap rejim boleh datang dari dalam negara, iaitu dari keadaan tidak puas hati yang boleh mencetuskan penentangan atau pemberontakan. Dengan kesedaran bahawa *kesinambungan* rejim dan negara bergantung kepada pemulihan sosio-ekonomi, maka kerajaan Vietnam memutuskan melaksanakan dasar renovasi ekonomi “*doi moi*” yang memberi dampak penting ke atas perkembangan politik dan dasar luar Vietnam. Keanggotaannya dalam ASEAN merupakan kemuncak

kejayaan penggunaan pakatan secara fleksible sebagai instrumen dasar luar. Sehingga kini dasar pakatan merupakan opsiyen yang terbaik bagi Vietnam menjamin keselamatan dan *survival* negara tersebut.